

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

SOALAN :

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan mengenai kes penebangan hutan seluas 47,278 kilometer persegi telah dilakukan dari tahun 2000 hingga 2012 di negara ini, serta sekiranya benar, apakah langkah dalam menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fakta yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar sama sekali. Keluasan 47,278 kilometer persegi bersamaan dengan 4,727,800 hektar. Keluasan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia ialah seluas 5,831,101 hektar (Sumber: Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 2013).

Keluasan hutan simpan kekal yang telah diwartakan di Semenanjung Malaysia adalah seluas 4,846,623.22 ha dan telah dikelaskan kepada hutan pengeluaran dan untuk pengusahaan dan hutan perlindungan.

Jika sekiranya seluas 4,727,800 hektar telah ditebang, baki kawasan berhutan hanya tinggal 1,103,301 atau 19% sahaja kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia atau hanya 9% sahaja dari keluasan tanah Semenanjung Malaysia yang berhutan.

Ini jelas tidak benar kerana sehingga 2014, keluasan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia ialah seluas 5,831,101 hektar atau 44% dari keluasan tanah Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI
DARIPADA SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah silibus di dalam mana-mana mata pelajaran di sekolah rendah atau menengah berhubung dengan keganasan domestik.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Melalui mata pelajaran Pendidikan Moral murid dididik supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan, emosi dan perlakuan moral. Mata pelajaran ini diharapkan dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia dan mengutamakan perpaduan ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu, KPM tidak bercadang untuk menambah silibus di dalam mana-mana mata pelajaran berhubung dengan keganasan domestik kerana penggubalan kurikulum telah mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya di peringkat sekolah rendah dan menengah. Di peringkat sekolah rendah kepentingan hubungan kekeluargaan telah diterapkan dalam tema kedua iaitu **Saya dan Keluarga**. Manakala di peringkat sekolah menengah antara bidang yang diberi penekanan ialah **Diri, Keluarga dan Persahabatan** yang

terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Moral peringkat menengah rendah.

Kurikulum yang berhubung dengan keganasan domestik telah sedia ada disentuh dengan jelas melalui **Standard Kandungan 2.3** di bawah tajuk **Hubungan Kekeluargaan** dalam kurikulum Pendidikan Moral Tingkatan 1 di mana isu mengenai **penderaan kanak-kanak/isteri/suami** telah diketengahkan dan dibincangkan. Antara standard pembelajaran yang dibincangkan ialah :

- Cara menyayangi anggota keluarga
- Kepentingan menyayangi anggota keluarga
- Melibatkan diri dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan
- Menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap keluarga.

Ini bertujuan untuk mendidik murid menghargai dan menyayangi anggota keluarga agar dapat membina sebuah keluarga yang bahagia seterusnya secara tidak langsung dapat mengelakkan keganasan domestik berlaku dalam sesebuah keluarga.

Melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, KPM juga telah memasukkan tajuk-tajuk berikut ke dalam silibus sekolah menengah bagi mendidik murid ke arah menjauhi keganasan. Antara tajuk-tajuk yang menyentuh aspek tersebut ialah:

a. Bidang al Quran:

Kefahaman ayat 13 Surah al-Baqarah berkenaan hubungan antara kaum.

b. Bidang Akhlak:

Malu, Tawaduk, Pemaaf, Bersyukur, Mahabbah, Adab Menjaga Alam Sekitar dan Kemudahan Awam.